

<http://www.mudah.my/1kedai-dotcom>  id="Image2_img" src="http://1.bp.blogspot.com/-6LIJRr5Rz6E/V3jD3WlhxOI/AAAAAAAAAESk/n9iF_qWigA4LR-75-9hRFRn6W7FY1fF7gCK4B/s1600/Mudahdotmy_Long.gif" width="488" height="39"/>

 src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/wudhu.jpg" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/wudhu.jpg" width="400" height="259"/>

Syarat mendirikan solat ialah mengambil wudhuk. Tentu tidak sah jika kita mengerjakan solat lima waktu tetapi meninggalkan wudhu. Pernahkah kita terfikir dengan perintah Allah SWT dengan perbuatan yang nampak remeh ini. Kenapa tidak?? Kenapa tangan bersama dengan air menyentuh anggota-anggota tubuh. Kenapa wajah yang dibasuh? Kenapa mesti telinga? Banyak rahsia dalam kandungan wudhu yang hanya Allah Maha Mengetahui namun antara rahsia wudhu yang dapat diungkapkan ialah:

Setiap perintah Allah SWT tentu memiliki hikmah kebaikan sebaliknya. Lima pancaindera kenapa semua tanpa terkecuali disapu oleh air wudhu. Mata, hidung, telinga & seluruh kulit tubuh. Ini betul-betul luar biasa. Pakar saraf / neurologist pun telah membuktikan dengan air wudhu yang menyejukkan hujung-hujung urat syaraf jari-jari tangan dan jari-jari kaki berguna untuk menenangkan fikiran. Anda tentu pernah mendengar akupunktur kan? Cuba cari tahu dimana saja letak titik-titik sensitif yang sering digunakan dalam ilmu akupunktur? Lalu kemudian amati rukun wudhu. InsyaAllah kita akan menemui persamaan antara keduanya.


Pada anggota badan yang terkena semasa berwudhu terdapat ratusan titik akupunktur yang merupakan titik penerima ransangan terhadap sentuhan berupa basuhan, gosokan, usapan, dan tekanan/urutan ketika melakukan wudhu. Sentuhan tersebut akan dihantarkan ibarat signal ke sel, jaringan, organ dan sistem organ yang bersifat terapi. Ini terjadi kerana adanya sistem komunikasi iaitu sistem syaraf dan hormon bekerja untuk mengadakan homeostasis (keseimbangan). Titik-titik akupunktur, suatu fenomena yang menarik bila dibandingkan dengan syariat wudhu yang disyariatkan 15 abad yang lalu.

Jumlah Titik Akupunktur Pada Anggota Wudhu (rukun dan sunat):

- Muka 84
- Tangan 95
- Kepala 64
- Telinga 125
- Kaki 125

Jumlah keseluruhan = 493!

Ternyata terdapat 493 titik penerima ransangan pada anggota wudhu!! Subhanallah!! Bayangkan jika kita melakukan itu setiap hari paling sedikit 5 kali sehari! Kita tidak harus memandang ringan semasa menjalani wudhu. Mengapa? Cuba ingat semasa kita membasuh tapak kaki & tangan apakah celah-celah jari sering kita abaikan? Ternyata ada fakta menarik yang ingin saya kongsi: Dari ilmu ahli akupunktur, di celah-celah jari terdapat 16 titik akupunktur yang mana titik-titik tersebut apabila dirangsang yang istimewa yang dapat mengubati migrain, sakit gigi, tangan-lengan merah, bengkak, dan jari kaku.

 src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/akupunktur.jpg" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/akupunktur.jpg" width="400" height="319"/>

Berkenaan telinga pula, walau pun ia adalah amalan sunat, ia mengandungi 30 titik ransangan! Maka, semasa menyapu telinga itu jangan cuma membasuh saja, tapi harus dengan urutan lembut juga. Selepas ini sebaiknya kita tidak meninggalkan amalan sunat semasa berwudhu kerana setiapnya mempunyai titik penerima ransangan.

Titik akupunktur di telinga. 125 disentuh semasa mengambil wudhu. Subhanallah! sungguh luar biasa rahsia wudhu. Semoga rahsia Wudhu ini memberi manfaat kepada anda. Wallahualam.

Kajian Saintis Neuro Telah Membuktikan

Sesuatu:



src="images/Gajet_2014/Artikel/wudhuk%20dari%20saintis.jpg"

mce_src="images/Gajet_2014/Artikel/wudhuk%20dari%20saintis.jpg" width="490"

height="370">
Prof Leopold Werner von Ehrenfels, seorang psikiatris dan sekaligus


neurology dari Austria telah memeluk Islam setelah mengkaji tentang Wudhu. Beliau telah menemui sesuatu yang menakjubkan terhadap wudhu. Ia mengemukakan satu fakta yang sangat mengejutkan. Bahawa pusat-pusat saraf yang paling peka dari tubuh manusia ternyata berada di sebelah dahi, tangan, dan kaki. Pusat-pusat saraf tersebut sangat sensitif terhadap air segar. Dari sini ia menemui hikmah di sebalik wudhu yang membasuh pusat-pusat saraf tersebut. Malah ia mencadangkan agar wudhu bukan hanya milik dan kebiasaan umat Islam, tetapi untuk umat manusia secara keseluruhan.

Dengan sentiasa membasuh air segar pada pusat-pusat saraf tersebut, maka bererti orang akan memelihara kesihatan dan keselarasan pusat sarafnya. Pada akhirnya Leopold memeluk agama Islam dan menukar namanya menjadi Baron Omar Rolf Ehrenfels.</p><p>Hikmah Wudhu dari Penilitian Ulamak:</p><p>Ulama Fekah juga menjelaskan hikmah wudhu sebagai bahagian dari usaha untuk memelihara kebersihan fizikal dan rohani. Anggota badan yang dibasuh dalam air wudhu, seperti tangan, kawasan muka termasuk mulut, dan kaki memang paling banyak bersentuhan dengan benda-benda asing termasuk kotoran. Kerana itu, wajar kalau anggota badan itu yang harus dibasuh. Ulama tasawuf menjelaskan hikmah wudhu dengan menjelaskan bahawa anggota badan yang dibasuh air wudhu memang daerah yang paling sering berdosa. Kita tidak tahu apa yang pernah diraba, dipegang, dan dilakukan tangan kita. Banyak pancaindera tersimpul di bagian muka.

Berapa orang yang jadi korban setiap hari dari mulut kita, berapa kali berbohong, memaki, dan membicarakan aib orang lain. Apa saja yang dimakan dan diminum. Apa saja yang baru diintip mata ini, apa yang didengar oleh telinga ini, dan apa saja yang baru dicitum hidung ini? Ke mana sahaja kaki ini berjalan setiap hari? Tegasnya, anggota badan yang dibasuh dalam wudhu ialah anggota yang paling berisiko untuk melakukan dosa. Fakta Organ tubuh yang menjadi anggota wudhu disebutkan dalam ayat al-Maidah [5]:6, adalah wajah, tangan sehingga siku, dan kaki sehingga hujung kaki.

Dalam hadis riwayat Muslim juga dijelaskan bahawa, air wudhu mampu mengalirkan dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh mata, hidung, telinga, tangan, dan kakinya, sehingga yang berkaitan bersih dari dosa. Kalangan ulama melarang mengeringkan air wudhu dengan kain kerana dalam redaksi hadis itu dikatakan bahawa proses pembersihan itu sampai titisan terakhir dari air wudhu itu (ma♦a akhir qathr al-ma♦a).

Wudhu dalam Islam masuk di dalam Bab al-Thaharah (penyucian rohani), seperti halnya tayammum, syarth, dan mandi junub. Tidak disebutkan Bab al-Nadhafah (pembersihan secara fisik). Rasulullah SAW selalu berusaha mempertahankan keabsahan wudhunya. Yang paling penting dari wudhu ialah kekuatan simboliknya, yakni memberikan rasa percaya diri sebagai orang yang ♦bersih♦ dan setiap waktu dapat menjalankan ketaatannya kepada Tuhan, seperti mendirikan solat, menyentuh atau membaca mushaf Al-Quran. Fakta Wudhu sendiri akan menghalang diri untuk menghindari apa yang secara spiritual merosak citra wudhu. Dosa dan kemaksiatan berkontradiksi dengan wudhu.
</p><p><i>Petikan dari pelbagai sumber.</i>
</p><hr><p><i><i></i></i></p>



Kenapa Perlu Wudhu ? Kajian Ulamak, Saintis dan Pakar Akupuntur:

Written by Al Khawarizmi

Wednesday, 16 February 2011 08:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:55

src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg"

mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" width="493"

height="300"></i></p><p><u>Rayuan admin 1Kedai:</u> Jika anda tidak keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:
 " Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain "..

<i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu halaman ini: </i></p><p>
</p><p>
</p><p>
</p>